Soalan No :50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]

TARIKH : 26.3.2015

SOALAN :

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perangkaan atau statistik pelajar yang tidak tamat pengajian sekolah rendah dan sekolah menengah dan adakah berlaku sebarang peningkatan terhadap perangkaan pelajar yang tidak tamat persekolahan serta apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat analisis kadar tamat persekolahan di peringkat sekolah rendah dan menengah berdasarkan kohort murid dari tahun 1 hingga tahun tahun 6 bagi peringkat sekolah rendah dan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di peringkat sekolah menengah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan trend dari tahun 2012 hingga tahun 2014, kadar tamat persekolahan di peringkat sekolah rendah adalah melebihi 99 peratus, manakala di sekolah menengah pula pada kadar 90 peratus.

Perlu ditegaskan bahawa, tidak semua murid yang tidak menamatkan persekolahan tercicir terus daripada mengikuti sistem persekolahan, sebaliknya sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM seperti madrasah dan sebagainya. Terdapat juga sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

RJM68